

GANGGUAN HISTERIA MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

HYSTERICAL DISORDER ACCORDING TO THE QURAN AND AL-SUNNAH

Shafiza Safie^{1*}
Fatin Najihah Shakhrudin²

¹ 1Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kampus Machang, Malaysia (UiTM), Malaysia

(E-mail: shafizasafie@uitm.edu.my)

* Corresponding author

² Open University, Malaysia

(E-mail: fatinnajihah2808@gmail.com)

Article history

Received date : 19-9-2023

Revised date : 25-9-2023

Accepted date : 29-10-2023

Published date : 17-11-2023

To cite this document:

Safie, S., & Shakhrudin, F. N. (2023). Gangguan histeria menurut perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah. *Journal of islamic, social, economics and Development (JISED)*, 8 (58), 277 – 283.

Abstrak: *Histeria adalah perkara biasa dalam kalangan rakyat Malaysia. Boleh dikatakan hampir kebanyakan tempat pernah mengalami histeria. Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan faktor-faktor yang menyebabkan histeria, cara mempertahankan diri dan juga kesannya kepada pesakit. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kajian literatur dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan sumber Islam seperti Al-Quran dan Al-Sunnah telah pun menyentuh perkara tersebut dan sebagai umat Islam kita hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Islam bagi mengelakkan penyakit berbahaya ini.*

Kata Kunci: *Gangguan, Histeria, Al-Quran, Al-Sunnah, Benteng Diri*

Abstract: *Hysteria is a familiar thing among Malaysians. It can be said that almost most places have experienced hysteria. This study aims to highlight the factors that cause hysteria, how to defend oneself and also its effect on the patient. This study uses a qualitative method by using literature review and document analysis. The findings of the study show that Islamic sources such as Al-Quran and Al-Sunnah have already touched on the matter and as Muslims we must adhere to the teachings of Islam in order to avoid this dangerous disease.*

Keywords: *Disorder, Hysteria, Al-Quran, Al-Sunnah, Self-Fortress*

Pengenalan

Histeria atau kerasukan merupakan sesuatu yang benar-benar wujud dan inilah yang didefinisikan dalam istilah Melayu (Fatin Najihah 2022). Histeria dari sudut bahasa bermaksud melempar, jatuh ke tanah (Ibn Manzur, 1955). Manakala merujuk kepada istilah bahasa ‘Arab, histeria disebut sebagai al-Darra, yang sering dikaitkan dengan gangguan makhluk halus (Khader & Mohd Azim, 2015). Menurut Kamus Dewan pula histeria adalah penyakit urat saraf yang terlihat pada letusan-letusan emosi yang tidak dapat dikawal (Noresah, 2009). Manakala dalam Kamus Oxford, histeria diterjemah sebagai sesuatu keadaan di mana seseorang atau sekumpulan manusia tidak dapat mengawal perasaan mereka seperti tidak dapat berhenti tertawa, menangis, menjerit dan sebagainya (Joyce, 2001).

Menurut Dr. ‘Abd Allah Muhammad al-Tayyar: Jin memudaratkan manusia dengan berada di dalam atau di luar tubuh manusia atau kedua-duanya di dalam atau di luar tubuh manusia, yang biasa dikenali sebagai rasukan (Ali, 1996). Manakala al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani, rasukan ialah masalah yang berkaitan dengan gangguan atau kekacauan akal (mental) seseorang manusia. Contohnya si mangsa tidak sedar apa yang diucapkannya dan dia juga tidak mampu menghubungkaitkan di antara apa-apa yang sedang atau telah diucapkan lantaran hilangnya daya ingatan sebenar akibat berlakunya kekacauan terhadap sistem saraf otak. Kecelaruhan bahagian mental ini secara tidak langsung akan membawa kepada kekeliruan bahagian lain yang telah dirasuk, lalu mangsa mula menggeletar atau meracau-racau tidak tentu arah (Wahid, 1409H).

Di Malaysia, histeria sudah lama wujud dan sering berlaku dalam komuniti sekolah, asrama dan kilang. Histeria merupakan satu permasalahan sosial yang banyak berlaku dalam kalangan remaja sekolah di Malaysia. Ianya memberi kesan negatif yang memudaratkan sama ada dari sudut psikologi, jasmani mahupun spiritual (Intan Farhana et al., 2014). Ini juga dibuktikan dengan sebuah berita yang dilaporkan dalam Sinar Harian yang ditulis oleh Syamilah Zulkifli bertarikh 22 Julai 2019 yang mana gangguan ini telah berlaku pada sesi perhimpunan pagi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Cempaka, Nilai. Ianya melibatkan seramai 20 pelajar perempuan secara tiba-tiba diserang histeria.

Histeria merupakan keadaan di mana seseorang dirasuki dan dikendalikan oleh makhluk halus. Kebanyakan orang yang dirasuki oleh makhluk halus dapat dilihat dengan bercakap secara ‘semberono’ dan bertingkah pelik seperti meronta-ronta, menangis, meracau dan sebagainya (Sharifah., 2019). Selain itu juga, menurut Bisri Ali, histeria berlaku kerana adanya gangguan jin pada diri manusia, sehingga manusia tidak mampu mengawal diri atau tidak sedarkan diri. Namun bukan semua jin menjadi punca manusia histeria, terdapat beberapa kategori jin seperti (Shiddieq, Ilham, t.t); jin Islam, jin kafir, jin lelaki, jin perempuan, jin kanak-kanak dan jin yang boleh merasuki manusia. Jin Islam memiliki keimanan kepada Allah SWT sehingga tidak akan mengganggu manusia mahu pun merasuki (Abu Azka Fathin, 2019).

Jin kafir adalah jin yang sentiasa menjerumuskan manusia kepada keburukan dan mengganggu manusia agar tidak dapat hidup dengan tenang. Jin kafir merupakan jin yang jahat dan golongan yang telah dikutuk oleh Allah SWT disebabkan kesombongan dan kederhakaan terhadap Allah SWT sehingga jin kafir berserta bala tentera memiliki suatu tanggung jawab untuk selalu mengganggu bahkan merasuki manusia untuk menunjukkan betapa hebat darjatnya berabding manusia (Shiddieq, Ilham, t.t)

Oleh sebab itu setiap muslim harus yakin bahawa setiap sakit yang menimpa manusia pasti ada penawarnya. Penawar kepada sakit ini ialah antaranya dengan menggunakan kaedah pengubatan Islam dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran, doa sabit daripada hadis Rasulullah SAW dan selawat ke atas Rasulullah SAW (Normarlina, 2021). Justeru kajian ini bertujuan utk mendedahkan berkenaan faktor penyebab berlakunya histeria, cara mengatasinya dan kesan bagi mangsa yang terkena histeria.

Histeria Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Sunnah

Histeria telahpun disentuh di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah samada ianya bersifat umum mahupun khusus. Antara nas Al-Quran yang menyatakan hal ini sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

“Orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu...”

Ibn Kathir dalam tafsir Al-Quran al-‘Azim mengistilahkan ‘dirasuk’ sebagai keadaan pemakan riba yang tidak dapat berdiri dengan betul pada hari kiamat. Mereka akan berjalan terhuyung-hayang seperti orang kerasukan (Ibn Kathir, Imam al-Jalil al-Hafiz Imad al-Din & Abu Isma’il, 1996). Menurut Imam al-Qurtubi ayat ini yang menjadi dalil kepada mereka yang tidak mempercayai wujudnya rasukan syaitan ke dalam jasad manusia, melalui ayat yang bermaksud; “Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kerasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila” (Al-Qurtubi & Abi ‘Abd Allah Muhammad, 1965).

Selain itu, di dalam Al-Quran juga Allah SWT banyak menyebut berkaitan syaitan dan rasukannya sebagaimana firman Allah Ta’ala dalam surah Al-A’raf ayat 201 yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, apabila mereka disentuh oleh sesuatu imbasan hasutan dari Syaitan, mereka ingat (kepada ajaran Allah) maka dengan itu mereka nampak (jalan yang benar).”

Ibn Kathir dalam mentafsir ayat ini mengatakan bahawa sesungguhnya para pentafsir ada yang mentafsir maksud perkataan *مَسَّ هُمْ* sebagai serangan atau rasukan (Ibn Kathir, t.t). Menurut al-Imam al-Tabari berkaitan dengan ayat di atas iaitu gangguan syaitan kepada manusia di dunia yakni dengan cara merasukinya sehingga terjadi seakan orang gila, hal ini dinamakan sebagai histeria (Al-Tabari & Muhammad, 1978).

Menerusi surah Al-Mujadilah pula, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah bahawa puak syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi.”

Ibn Kathir menyebut di dalam tafsirnya bahawa syaitan menguasai diri mereka dari mengingati Allah iaitu menguasai hati mereka. Menurut Sheikh Muhammad Sulaiman Asyqar (*يتخبطه*) *الشیطان*) membawa maksud seperti kena rasukan.

Oleh yang demikian, kerasukan merupakan gangguan yang menimpa akal manusia sehingga dia tidak memahami apa yang dia katakan. Seseorang yang kerasukan tidak boleh menghubungkan perkataannya, antara yang telah dia katakan, dan yang akan dia ucapkan. Dia juga akan menderita, hilang ingatan akibat gangguan pada urat-urat saraf (otak). Akibatnya, penderita penyakit akal ini mengalami gangguan dalam tingkah lakunya. Dia akan janggal ketika bergerak dan bertindak (Ukashah, t.t).

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani rasukan ialah suatu perkara yang berkaitan dengan kecelaruan mental seseorang manusia. Si mangsa tidak sedar apa yang diucapkannya dan dia juga tidak mampu menghubungkaitkan di antara apa-apa yang sedang atau telah diucapkan lantaran hilangnya daya ingatan sebenar akibat berlakunya gangguan terhadap sistem saraf otak. Kekacauan di bahagian mental ini secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya kekacauan bahagian-bahagian lain yang telah dirasuk itu, dan seterusnya si mangsa mulalah menggeletar atau meracau-racau tidak tentu arah (Wahid, 1996).

Faktor Penyebab berlaku histeria

Kebanyakan ulama bersepakat bahawa jin boleh menembusi dan mengganggu akal manusia, malah boleh menyebabkan penderitaan kepada tubuh manusia dengan izin Allah SWT. Pendapat ini diutarakan oleh Ibn Taimiyah dalam hadis daripada Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya syaitan itu memasuki tubuh manusia menurut aliran darah. Dan sesungguhnya aku takut syaitan itu akan mencampakkan sesuatu dalam hati kamu berdua.” (Sahih al-Bukhari, 2000).

Menurut Wigyo Susanto dan Dian Oktaviana (2020) dalam kajian mereka, antara penyebab histeria adalah disebabkan oleh fikiran yang kosong dan tekanan psikologi. Ini sebagaimana Mohd Zohdi (2020) menyatakan bahawa tekanan yang berlaku ke atas emosi remaja adalah disebabkan oleh ketakutan. Sebagai contoh, sekiranya tersebar cerita gangguan hantu di sesuatu tempat maka remaja akan bercakap sesama mereka, seterusnya mengakibatkan jiwa remaja semakin tertekan seterusnya mudah mendapat gangguan jiwa. Biasanya peristiwa sedemikian menyemarakkan kejadian histeria di asrama-asrama sekolah yang dihuni oleh remaja perempuan. Tanpa dinafikan kemampuan jin merasuk manusia, kajian mendapati bahawa tekanan emosi di antara faktor utama kejadian histeria.

Menurut Arni dan Nor Halimah (2020), jin tidak dapat merasuki seseorang kecuali saat seseorang lalai dalam melaksanakan syariat Allah SWT serta tidak mendekati diri kepada-Nya. Keadaan seperti ini menyebabkan jiwa tidak kuat sehingga syaitan dapat menembusi diri mereka. Ada beberapa keadaan di mana jin mudah masuk ke dalam tubuh seseorang, iaitu dalam keadaan marah, sentiasa takut, sentiasa dalam keadaan bernafsu, dan stress berlebihan (Arni, Nor Halimah, 2020). Akibatnya, penderita penyakit akal ini mengalami gangguan dalam tingkah lakunya. Dia akan merasa pelik dalam perbuatan mereka (Ukashah Abd al-Manan al-Tibi, t.t).

Menurut perubatan Islam, makhluk halus gemar merasuk seseorang wanita berbanding lelaki kerana mereka lebih cenderung untuk lemah semangat. Masalah ini berlaku adalah kebanyakannya disebabkan oleh tekanan, stress dan orang yang mengalami tekanan yang melampau lebih cenderung untuk dirasuk berbanding mereka yang mempunyai kekuatan mental yang kuat. Kaum lelaki boleh juga terkena histeria namun terlalu jarang berlaku kerana jiwa mereka diciptakan dengan jiwa yang lebih kasar dan keras berbanding wanita (Fatin Najihah 2022).

Manakala menurut ahli Psikologi Islam pula seperti al-Ghazali, al-Razi, Muhammad Uthman Najati dan lainnya melihat tekanan emosi atau gangguan psikologi ini dari sudut kegelisahan jiwa atau emosi manusia seperti gelisah, kecewa, bimbang keterlaluan dan takut. Emosi ini wujud kerana hati manusia tidak beriman kepada Allah SWT. Di samping itu, tekanan juga dikaitkan dengan penyakit hati seperti hasad dengki, sombong, ujub dan riak. Manusia menghadapi gangguan dan ketidaktenteraman jiwa atau emosi apabila berlakunya konflik

psikologi atau pertembungan antara dua jiwa manusia iaitu jiwa yang beriman kepada Allah SWT dan jiwa yang menurut hawa nafsu (Fatin Najihah 2022).

Cara Membenteng diri daripada Histeria

Menurut Ibrahim Kamal (2017), antara cara menghindari kerasukan jin adalah dengan mempersenjatai diri sendiri dengan zikir dan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Menurut Meta Eltika Putri et.al, (2019) pula menyatakan cara membenteng diri daripada terkena histeria ialah dengan sentiasa berzikir dan berdoa kepada Allah pada setiap waktu sangatlah penting terutama dalam menjalani segala sesuatu ataupun melakukan sesuatu pekerjaan, maka haruslah di awali dan di akhiri dengan berzikir dan berdoa kepada Allah SWT. Berzikir kepada Allah SWT akan terpelihara dari gangguan dan tipu daya syaitan serta terpelihara dari segala sesuatu yang buruk (Meta Eltika Putri, Inong Satriadi & Ummi Kalsum Hasibuan, 2019).

Menurut Wigyo Susanto & Dian Oktaviana (2020) cara yang paling efektif dalam menyembuhkan histeria adalah dengan meruqyah menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran dan memperkuat iman. Banyak kes membuktikan bahawa pesakit yang mengamalkan bacaan Al-Quran secara konsisten akan sembuh dengan izin Allah SWT (Normarlina & Rushdi, 2021). Menurut Kasim Ramli dan Sofia Hayati Yusoff (2018) menyatakan bahawa kaedah perubatan untuk merawat diri dan pesakit iaitu antaranya adalah dengan kaedah rawatan menggunakan Al-Quran, kaedah rawatan menggunakan pelbagai doa dan kaedah rawatan menggunakan pelbagai bahan contohnya seperti air, herba dan banyak lagi. Oleh yang demikian, kerasukan ialah suatu ungkapan yang difahami dan merujuk kepada gangguan yang menimpa akal manusia sehingga dia tidak memahami apa yang dia katakan. Mereka juga tidak mampu menghubungkan perkataannya, antara yang telah dia katakan, dan yang akan dia ucapkan. Dia juga akan menderita, hilang ingatan akibat gangguan pada urat-urat saraf (otak) (Ukashah Abd al-Manan al-Tibi, t.t). Justeru perlunya bagi seseorang muslim mengetahui cara pengubatan penyakit histeria ini agar ianya dapat dibendung dan dielakkan.

Kesan Terkena Histeria

Menurut Haron Din dan Amran Kasimin sebagaimana tersebut di dalam al Tibb al-Nabawi, sakit-sakit seperti ini dikenali sebagai al-Sar'u iaitu rasukan roh-roh jahat ke atas roh manusia yang memberikan kesan yang tidak baik kepada orang berkenaan. Gangguan sebegini juga dikenali sebagai gangguan makhluk halus. Terdapat banyak keterangan hadis Nabi yang menerangkan perihal masalah gangguan makhluk halus ini (Amran Kasimin & Haron Din, 1994).

Menurut Wigyo Susanto dan Dian Oktaviana (2020) dalam kajian mereka menyatakan bahawa kesan setelah kerasukan adalah mereka lebih merasa ketakutan untuk menjalani hidup ini. Menurut Khader Ahmad, kejadian sebegini banyak terdapat dalam hadis, Ini membuktikan bahawa kesakitan ini wujud dan berlaku pada zaman para nabi dan juga pada zaman para sahabat sehingga kini (Khader & Mohd Azim, 2015).

Pesakit histeria rasukan jin turut mengalami goncangan pada tubuh seperti pesakit gangguan trauma (Ray, 2008). Oleh kerana tubuh yang menggigil ini tidak berpunca daripada masalah saraf, ahli perubatan memasukkan histeria atau Conversion Disorders ini sebagai berpunca daripada masalah emosi atau lakonan pesakit (Beilen et.al, 2010). Bagaimanapun, al-Shahodh (2011) memperincikan simptom histeria rasukan jin bahawa tubuh mangsa tersebut akan menggigil apabila dibacakan ruqyah. Sifat menggigil tersebut dapat dilihat berlaku pada tangan

dan kaki pesakit secara perlahan (Al-Shahodh, 'Ali bin Nayf, 2011). Tubuh menggigil dengan kuat dan kelopak mata berkedip perlahan tidak seperti kebiasaan. Kedua-dua simptom berlaku secara serentak (Wahid 'Abd Salam Bali, 1997). Pesakit histeria rasukan jin yang berada dalam keadaan kritikal kebanyakannya akan bertindak agresif dan tenaga juga menjadi luar biasa apabila dibacakan ayat-ayat ruqyah (al-Shahodh, 2011).

Kesimpulan

Seseorang muslim hendaklah percaya bahawa gangguan histeria ini benar-benar wujud dan seseorang muslim juga haruslah mempersiapkan diri mereka agar penyakit ini tidak hinggap ke diri masing-masing. Al-Quran dan Al-Sunnah telahpun memberikan panduan buat ummat Islam supaya tidak memandang enteng akan masalah ini dan cara mengubatnya juga telahpun diajarkan. Setiap muslim juga mestilah percaya bahawa semua yang berlaku adalah atas izin Allah SWT selaku Pencipta.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

'Ali bin Hassan (1996). *Burhan al-Syar'i fi ithbat al-Mas wa al-Sar'u*. Dar Ibn Hazm: Beirut.

Abdullah Bukhari Abdul Rahim (2012). *Ayat-ayat Syaitan Membongkar Rahsia Jin, Syaitan dan Iblis dalam Al-Quran*, Selangor: PTS Millenia Sdn Bhd.

Albani, Muhammad Nasir al-Din. (2002). *Silsilah al-Ahadis al-Sahihah Wa Shai'un Min Fiqhiha Wa Fawaiduha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashar Wa al-Tawzi'.

Al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti. (2007). *Laqt al-Marjan fi Ahkam al-Jan*. Terj. Kathur Suhardi. Dar al-Falah: Jakarta.

Al-Shahodh, 'Ali bin Nayf. (2011). *Al-Muhaddhab Fi 'Ilaj al-'Ayn, al-Massi, Wa al-Sihr*. Pahang Darul Makmur.

Al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir al-Tabari. (1978). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Qur'an*, juz.3 Beirut: Dar al-Fikr.

Amran Kasimin, Haron Din. (1994). *Rawatan Gangguan Makhluk Halus Menurut Al-Quran dan al-Sunnah*. Cetakan ke-4: Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Arni, Nor Halimah. (2020). *Fenomena Kesurupan: Studi Analisis Kritis Dalam Kajian Teologi Dan Psikologi Islam*. *Jurnal-jurnal Ilmu Keislaman*, 10(2).

Beilen, M. V., Vogt, B. A. dan Leenders, K. L. (2010). *Increased Activation Cingulate Cortex In Conversion Disorder: What Does It Mean?* *Journal of the Neurological Sciences*.

Bisri Ali. (t.t). *Jin Dalam Perspektif Al-Qur'an*. *Studi Tafsir Tematik Ayat-Ayat Tentang Jin*. *Jurnal UIN Bante*, 20.

Dayan, J. dan Olliach, B. (2010). *From Hysteria and Shell Shock to Post Traumatic Stress Disorder: Comments on Psychoanalytic and Neuropsychological Approaches*. *Journal of Physiology-Paris* (104).

Fatin Najihah Shakhruddin. (2022). *Konsep Histeria Menurut Al-Quran Dan Al-Sunnah: Analisis Kefahaman Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*. *Disertasi Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Sunnah Dengan Komunikasi*. Bangi: KUIS.

Haron Din. (2011). *Rawatan Penyakit Akibat Sihir*. Bangi: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad.

Ibn Kathir. Imam al-Jalil al-Hafiz Imad al-Din. Abu Isma'il ibn Amr ibn Dawud ibn Kathir. (1996). *Tafsir Al-Quran al-Azim* Jil. 1. Damsyiq: Maktabah Dar al-Fahya'.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukram bin Manzur al-Afriqi al-Majani (1955), *Lisan al-Arab*, jil. 2, Beirut: Dar al-Sadir.

Ibrahim Kamal Adham. (2017). *Kupas Tuntas Masalah Jin dan Sihir*. Jakarta: Darus Sunnah.

- Intan Farhana Saparuddin et.al. (2014). Simptom Histeria dalam Kalangan Remaja Sekolah di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 2, 28.
- Joyce M. Hawkins, *Kamus Oxford* (2001), London: Oxford University Press, 327. A state in which a person or a group of people cannot control their emotions, for example cannot stop laughing, crying, shouting, etc.
- Judge, A. dan Spielman, F. (2010). Postoperative Conversion Disorder In A Pediatric Patient. *Pediatric Anaesthesia* (20).
- Kasim Ramli, Sofia Hayati Yusoff. (2018). Perubatan Nabi: Kefahaman Terhadap Sunnah Dan Praktis Perawat. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 17.
- Khader Ahmad, Mohd Azim Hakim Ibrahim. (2015). Histeria dari Perspektif Al-Quran dan Haduth: Satu Analisis. *Jurnal al-Tamaddun*.
- Meta Eltika Putri, Inong Satriadi & Ummi Kalsum Hasibuan. (2019). Godaan Setan Dan Cara Mengatasinya Menurut Al-Quran. *Riset Keagamaan, Sosial dan Budaya*, 1 (1).
- Meta Etika Putri. (2018). Godaan Setan dan Cara Mengatasi Menurut Al-Quran (Kajian Tafsir Tematis). *Jurnal IAIN*, 24.
- Mohd Zohdi Mohd Amin. (2020). Pengaruh Filem Seram Terhadap Pembentukan Jatidiri Remaja: Kajian Dalam Aspek Psikologi. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN)*.
- Noresah bt Baharom. (2009). *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normarlina Mohamad Lutpi, Rushdi Ramli. (2021). Perubatan Alternatif Islam: Satu Analisis Kefahaman di Kalangan Para Pelajar. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(2).
- Ray, S. L. (2008). Evolution of Posttraumatic Stress Disorder and Future Directions. *Archives of Psychiatric Nursing*, Vol. 22.
- Sharifah. (2019). Fenomena Kesurupan Dalam Persepsi Psikolog Dan Pengruqyah. *Jurnal Studia Insania*, 109.
- Shiddieq, Ilham. (t.t). Pencegahan dan Penanganan Kesurupan Dalam perspektif Hadis: Studi Hadis-hadis Tematik Dalam Pencegahan Dan Penanganan Kesurupan.
- Siti Norlina Muhamad et al. (2012). Faktor Histeria dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Jurnal Teknologi Uiversiti Teknologi Malaysia*.
- Syamilah Zulkifli (2019). 20 pelajar perempuan SMK Desa Cempaka diserang histeria. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/39252/edisi/melaka-ns/20-pelajar-perempuan-smk-desa-cempaka-diserang-histeria>
- Ukashah Abd al-Manan al-Tibi. (t.t). *Al-Jin Talbisuhu bi al-Insan wa 'Ilajuhu bi Al-Quran*. Kaerah: Maktabah al-Turath Islami.
- Ustaz Kazim Elias. (2019). 3 Punca Jin Boleh “Jatuh Cinta” Pada Manusia. [Video]. Senyum Ustaz. https://www.youtube.com/watch?v=Cry_5c6c2BY&t=306s.
- Wahid 'Abd al-Salam Bali. (1409H). *Wiqayat al-Insan min al-Jin wa al-Syaitan*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Wigyo Susanto & Dian Oktaviana. (2020). Pengalaman Klien Dengan Kesurupan. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*, 3(1).